

PERASMIAN TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KE-41

Stadium Kubu, Melaka

27 Oktober 1998

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita semua dapat hadir di majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali ke-41 di Melaka ini. Kita telah berjaya selama ini meningkatkan minat umat Islam terhadap Al-Quran melalui majlis ini yang diadakan pada tiap-tiap tahun di peringkat Kebangsaan yang bermula pada tahun 1957 dan peringkat Antarabangsa mulai tahun 1958.

Walaupun majlis ini merupakan sebahagian kecil sahaja daripada aktiviti keagamaan yang dipelopori Kerajaan ia telah dapat meningkatkan syiar Islam di dalam dan luar negara kita. Tanpa syak lagi, syiar Islam telah dapat kita kembangkan di kalangan umat Islam daripada pelbagai pelusuk dunia melalui tilawah Al-Quran ini. Umat Islam bukan sahaja didedahkan kepada cara pembacaan dan penghafalan Al-Quran yang baik malah dapat menghayati kandungannya yang menjadi pegangan kita sebagai umat yang patuh kepada agamanya. Sedikit sebanyak kita telah dapat menyatupadukan ummah Islam yang dipisahkan oleh benua dan lautan.

Ada pihak yang berpendapat kita tidak harus mengadakan majlis ini yang melibatkan bacaan Al-Quran dengan berlagu kerana kononnya ia bertentangan dengan kehendak agama. Mereka sepatutnya meneliti sejarah kemajuan Al-Quran.

Pada mulanya ayat-ayat Al-Quran disampaikan kepada Nabi Muhammad S.A.W. melalui suara Jibrail dan Wahyu Tuhan. Ayat-ayat ini tidak ditulis. Lagipun Rasulullah tidak tahu menulis atau membaca. Baginda terpaksa mengingat ayat-ayat ini dan kemudian mengulangnya kepada penganut yang tidak begitu ramai pada mulanya. Hanya ada beberapa orang sahaja yang dapat menulis ayat-ayat ini di atas kulit dan daun.

Untuk mengembangkan ajaran Al-Quran kepada orang yang tidak pandai membaca ayat-ayat ini terpaksa diulangi oleh Rasulullah dan mereka yang boleh membaca. Mereka yang tidak boleh membaca perlu menghafal dan mengingati ayat-ayat ini. Cara yang mudah memahatkan ayat-ayat ini dalam hati ialah dengan membaca atau mengulanginya dengan berlagu. Ini adalah tabii manusia.

Kutip dan Susun

Walaupun ayat-ayat Al-Quran dikutip dan disusun selepas wafatnya Rasulullah, masyarakat Islam kekurangan kitab Al-Quran. Semua Al-Quran ditulis dengan tangan kerana tidak ada mesin cetak semasa Islam mula berkembang. Lagipun buat beberapa lama cetakan Al-Quran diharamkan kerana ada ulama yang berpendapat ia bertentangan dengan ajaran Islam.

Oleh kerana bilangan kitab Al-Quran yang ditulis tangan ini begitu terhad maka amatlah penting ada sekurang-kurangnya seorang dalam mana-mana masyarakat Islam yang dapat menghafal Al-Quran. Sekali lagi untuk memudahkan menghafal Al-Quran ayat-ayat terpaksa dibaca dengan berlagu. Sepertimana kita semua maklum banyak ayat Al-Quran diulangi berkali-kali. Jika seseorang hafiz itu berlagu kemungkinan ayat-ayat Al-Quran daripada satu surah dengan surah yang lain tercampur-aduk akan dapat dielakkan.

Tujuan membaca Al-Quran dengan berlagu bukanlah kerana hendak asyik sehingga hilang akal tetapi kerana hendak memudahkan ingatan dan penghafalan ayat-ayat suci. Lagipun ayat Al-Quran dibaca begitu sahaja tanpa diiringi dengan sebarang alat-alat muzik. Bagi masyarakat kecil yang terpisah, yang mungkin tidak memiliki kitab Al-Quran atau memiliki hanya sebuah kitab sahaja, adanya hafiz menjadi amat penting bagi mengekalkan ajaran Al-Quran bagi masyarakat berkenaan. Jika kebakaran atau apa-apa malapetaka berlaku dan kitab yang ada musnah semuanya, adanya seorang hafiz menjamin ajaran Al-Quran tidak hilang dan dilupakan.

Jika dalam sebuah negara Islam setiap kumpulan mempunyai hafiznya sendiri, maka ajaran Al-Quran tidak mungkin hilang. Jika bacaan berlagu diadakan secara beramai-ramai tidak dapat tidak minat membaca akan turut berkembang. Dengan ini ayat-ayat Al-Quran akan tetap berada dalam hati umat Islam.

Di zaman ini berjuta-juta naskah Al-Quran dicetak sehingga tidak mungkin Al-Quran hilang sama sekali di seluruh dunia, insya-Allah. Kita juga

boleh mendengar bacaan Al-Quran melalui alat rakaman bahkan juga melalui komputer. Hanya dengan kerana ini sahaja tidaklah bermakna kita tidak harus ada hafiz di kalangan kita. Untuk mengadakan hafiz, bacaan berlagu hendaklah diamalkan kerana ia boleh menolong menarik minat dan memudahkan hafalannya.

Seperti juga dengan membaca Al-Quran dengan berlagu, penulisan Al-Quran dengan khat yang cantik menolong menambah bilangan kitab Al-Quran di zaman tidak ramai penulis. Tabiat manusia memang meminati sesuatu yang cantik. Penulis-penulis di zaman silam mencipta berbagai jenis khat untuk mengindahkan lagi tulisan ayat-ayat suci Al-Quran. Mereka menambah dengan lukisan-lukisan yang halal di sisi Islam. Semua ini bertujuan menarik minat untuk memiliki dan membaca Al-Quran. Dengan itu juga isi kandungan Al-Quran disebar, dipelajari dan dihayati.

Tulisan Tangan

Tetapi ada ulama yang berpendapat bahawa Al-Quran hanya boleh ditulis dengan tangan. Ia tidak boleh dicetak (mungkin kerana mesin cetak dicipta oleh orang bukan Islam). Justeru itu, apabila Sultan Turki membeli mesin cetak untuk mencetak Al-Quran, mesin itu diharamkan dan terpaksa disimpan dan tidak digunakan. Tetapi lama-kelamaan pendapat yang kolot ini ditolak oleh ulama lain dan Al-Quran mula dicetak. Hari ini oleh kerana Al-Quran boleh dicetak, ia dapat dimiliki oleh sesiapa sahaja daripada umat Islam, sama ada miskin atau kaya. Bahaya hilangnya ayat-ayat Al-Quran tidak mungkin lagi, insya-Allah.

Walaupun membaca Al-Quran dengan berlagu boleh menolong kita menghafal dan mengingati ayat-ayat yang dibaca, tetapi penghormatan terhadap kitab suci ini bermakna ketertiban dalam membaca bahkan menangani kitab Al-Quran masih diperlukan. Sekarang ini terdapat minat yang meluas kepada nyanyian nasyid. Walaupun menyanyi nasyid bukan sama dengan membaca Al-Quran, kita dapati ada ketertiban tertentu yang diamalkan oleh penyanyi lagu-lagu nasyid. Ketertiban yang lebih diperlukan semasa membaca Al-Quran dengan berlagu. Alhamdulillah sehingga kini ketertiban ditunjuk oleh semua pihak semasa membaca Al-Quran.

Malaysia boleh berbangga dengan kemajuan yang ditunjuk dalam urusan dan pelaksanaan acara tilawah Al-Quran. Banyak hikmah yang telah didapati daripada acara ini. Ayat-ayat yang dibaca, diterjemah dan

dihuraikan, yang mana ini menolong kita memahami dengan lebih lagi isi kandungan Al-Quran. Sebenarnya tilawah Al-Quran yang kita anjurkan di Malaysia memberi banyak pengajaran kepada kita yang mana kita harus bersyukur dengannya, Alhamdulillah.

Dengan berkembangnya pengetahuan agama melalui pengenalan akan isi kandungan Al-Quran maka kita akan terpelihara daripada tafsiran-tafsiran dan ajaran karut yang dibuat oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Kefahaman Cetek

Baru-baru ini timbul cerita kononnya ada orang tertentu telah meninggal dunia dan badannya telah bertukar menjadi khinzir dan ditanam di belakang rumahnya. Kepercayaan bahawa cerita ini adalah benar membuktikan betapa ceteknya kefahaman dan pegangan kepada ajaran agama terutama isi kandungan Al-Quran di kalangan sesetengah orang Islam. Jika Kerajaan berpendapat ajaran agama perlu diawasi secara rapi, sebabnya ialah kerana ada sahaja orang yang berani memperalatkan agama dan nama Allah untuk kepentingan diri. Bahawa cerita dan dakwaan yang dibuat oleh mereka boleh merosakkan akidah umat Islam tidak sedikit pun dihiraukan oleh mereka. Jika mereka begitu tidak takut membohong dan berdosa, sebabnya tentulah kerana pegangan mereka kepada agama adalah lemah. Dan mereka seperti ini kerap berselindung dengan topeng agama kerana mereka tahu penganut agama Islam walaupun cetek pengetahuan agama tetapi begitu kuat berpegang kepada agama sehingga apa sahaja yang dikaitkan dengan agama akan dipercayai oleh mereka.

Di masa yang sama perbuatan mereka ini memberi gambaran kepada orang bukan Islam bahawa agama Islam begitu kolot sekali. Tetapi mereka yang membawa kehinaan orang bukan Islam kepada agama Islam berpendapat bahawa pandangan orang bukan Islam kepada agama Islam tidak perlu diberi apa-apa penghargaan.

Sikap ini amat merugikan agama Islam kerana ia menyekat perkembangan agama Islam dan pengaruhnya. Siapakah yang akan dipengaruhi dengan penganut agama yang dianggap begitu kolot? Jika hari ini umat Islam tidak berpengaruh dan selalunya lemah dan ditindas, sebabnya ialah kerana kepercayaan yang kolot yang sebenarnya bertentangan dengan agama Islam terdapat di kalangan orang Islam. Lagipun mereka yang menyebabkan imej Islam kolot ini terdiri daripada

orang yang menonjol diri mereka sebagai jaguh dan alim dalam agama Islam. Mereka inilah yang merosakkan agama Islam.

Oleh kerana imej Islam mudah dirosakkan oleh orang yang berkepentingan maka amatlah penting umat Islam tahu dengan lebih mendalam ajaran Islam yang sebenar. Pembacaan dan pendedahan tafsiran ayat-ayat Al-Quran adalah satu cara yang amat berkesan untuk mengembangkan ajaran Islam. Majlis Tilawah Al-Quran yang kita adakan tiap-tiap tahun tetap menyumbang kepada matlamat ini. Pembacaan berlagu memudahkan hafalan dan menarik minat lebih ramai untuk mendengar bacaan ayat-ayat suci Al-Quran-ul-karim. Justeru itu kita harus jayakan Tilawah Al-Quran kerana ada hikmah yang banyak yang terdapat daripadanya.

Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-41 ini dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim.